

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 10 BILANGAN 24 RABU 22 SEPTEMBER, 1965 1385 جمادالاول 26 رابو PERCHUMA

*Allah Lanjutkan Usia D. Y. M. M.
Dan Selamatkan Pengantin Di-Raja*

PERBARISAN SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Omar Ali Saifuddin akan menerima tabek kehormatan dari 3 pasokan keselamatan di-negeri ini sebagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-49 esok.

Perbarisan itu akan di-ambil bahagian oleh Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Brunei dan dari Batalian ke-2 pasokan kenanem Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles.

Istiadat perbarisan itu akan di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei mulai pukul 7-30 pagi

Pasokan2 pencharagam tentera dan Pulis juga akan mengambil bahagian dalam istiadat itu yang terdiri dari pasokan2 pencharagam Askar Melayu Diraja Brunei, Pulis Diraja Brunei dan Gurkha Rifles.

Perbarisan itu nanti akan di-jalankan di-bawah arahan Major J. R. E. Laird.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan akan menyampaikan titah uchap-an dalam istiadat itu.

Di-samping itu, Baginda juga akan memereksa perbarisan ka-

Besar Bandar Brunei pada pagi itu tembakan meriam sa-banyak 21 das akan di-lepaskan.

Di-istiadat itu nanti akan di-hadhiri oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohammad Bolkiah. Yang

Teramat Mulia Duli2 Wazir, Tuan Yang Terutama Pesuruh-jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pengarah Gerakan Tentera di-Borneo.

Dalam gambar bawah kelihatan pengantin di-raja dalam masa perarakan keliling Pekan Brunei.

walan kehormatan dan menyaksikan pertunjukan pasokan2 pencharagam pulis dan tentera. Sa-bagai menandakan keberangkatan tiba Baginda di-Padang



ISTIADAT BERSANDING PENGANTIN DI-RAJA DI-LANGSONGKAN DENGAN SELAMAT-NYA

BANDAR BRUNEI. — Istiadat Bersanding Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman telah di-langsongkan dengan selamat-nya di-Istana Darul Hana pada petang hari Ahad 19 September, 1965.

Sa-belum di-langsungkan Istiadat tersebut, Pengantin Diraja lelaki telah berarak dengan menaiki satu keinderaan khas berwarna warni, lengkap dengan alat2 kebesaran di-raja dan di-ikuti oleh berpuluh2 buah kereta dari Rumah Besar Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara

menuju ka-Istana Darul Hana.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri dan pembesar2 negara serta tetamu2 khas telah hadir dalam istiadat tersebut.

Sa-baik sahaja selesai di-lang-

songkan istiadat bersanding di-Istana Darul Hana maka kedua2 Pengantin Diraja itu pun berarak dari Istana Darul Hana mengelilingi Pekan Brunei.

Di-sakeliling jalan yang di-lalui oleh perarakan pengantin diraja itu, telah di-kerumuni oleh beribu2 ra'ayat yang berbilang bangsa dan kaum serta murid2 Sekolah untok menyaksikan wajah2 pengantin baru itu.

Perarakan itu telah di-dahului oleh Pasokan Pencharagam Pulis Brunei, di-ikuti oleh alat2 kebesaran diraja yang di-pegang oleh pegawai2 yang terdiri dari 16 tombak, 16 pedang dan 40 sinipit.

Sa-telah itu di-ikuti pula kenaikan

(Lihat muka 8)

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-TUTONG

TUTONG. — Berbagai2 persembahan akan di-adakan di-Padang Kechil, Pekan Tutong mulai pada malam 27 September hingga ka-malam 1 Oktober sa-bagai menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

Di-antara achara2 yang akan di-persembahkan di-temasha tersebut ialah Pertunjukan tiga buah sandiwara, perbawara dan tiga buah tablo.

Satu temasha Malam Kebudayaan Lama akan juga di-persembahkan di-temasha tersebut. Antara-nya ia-lah Panchak Silat, Kajat, Kuntau dan Hadzrah.

Pertunjukan Sokan Darat akan di-adakan di-Padang Besar Sekolah Melayu Muda Hashim pada hari Juma'at 24 September

Pilehan Raya Kechil 1965:

HARI MENAMAKAN CHALUN KAWASAN PEMILEHAN PEKAN BRUNEI - 25 SEP.

BANDAR BRUNEI. — Hari Menamakan Chalun untuk Majlis Mashuarat Daerah Brunei bagi Kawasan Pemilihan Pekan Brunei akan di-jalankan pada 25 September, 1965, di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei. Tempat ini akan terbuka dari jam 10-00 pagi hingga 1-30 petang.

Sesiapa yang ada kelayakan memasoki pilehan raya ini bolehlah di-namakan sa-bagai sa-orang chalon pilehan raya.

Chalon2 hendaklah di-namakan dengan jalan menghantar tiga naskhah kertas2 menamakan chalon ia-itu Borang 3. Tiap2 kertas menamakan chalon itu, hendaklah di-tanda tangani oleh dua orang — ia-itu sa-bagai penchadang dan penyukong.

PENCHADANG

Selain dari itu, hendaklah di-tanda tangani juga sa-kurang2nya oleh empat orang lagi. Nama2 penchadang dan penyukong serta sekurang2nya empat orang lagi, atau pun lebeh dari empat orang itu, mesti-lah nama2 mereka itu, ada di-dalam daftar pengundi bagi kawasan pemilihan ini, ia-itu Kawasan Pemilihan Pekan Brunei.

Chalon itu, mesti-lah membuat persetujuan yang bertulis, dalam tiap2 kertas menamakan chalon sa-bagai yang tertera dalam Borang 3. Chalon itu sendiri, mesti-lah nama-nya ada dalam daftar pengundi2 di-Daerah Brunei ini.

Daftar pengundi2 yang lama masih lagi di-pakai. Daftar pengundi2 yang di-ubah atau pun pengundi2 yang baharu2 sahaja mendaftarkan nama-nya pada bulan Julai dan Ogos ini belum dapat mengundi atau menjadi chalon kerana menurut peratoran2 maka daftar baru ini hanya berjalan kuat kuasa-nya mulai 15hb. Mach tahun hadapan ia-itu tahun 1966.

Pada masa sa-saorang itu di-namakan sebagai chalon menurut peratoran2 hendaklah dia menyampaikan surat pengakuan-nya dalam Borang 4 kepada Pegawai Pengurus, mengenai kelayakan2-nya yang di-buat dan di-tanda tangani oleh chalon itu.

PENGAKUAN

Sekira-nya surat pengakuan itu, tidak di-sampaikan sebagaimana yang di-sebutkan tadi, maka penamaan chalon itu akan di-anggap sebagai tidak sah, dan kertas menamakan chalon itu tidak-lah boleh di-terima oleh Pegawai Pengurus.

Pegawai Pengurus, akan memberikan borang kertas menamakan chalon, dan surat pengakuan, kepada sa-siapa yang berkehendakkan borang itu, pada sebarang masa yang munasabah mulai dari tarikh keluaran perintah berkenaan dengan pilehan raya, hingga pukul 12-00 tengah hari, pada hari menamakan chalon itu ya'ani 25 September, 1965.

Mulai dari tarikh pengeluaran

surat perintah mengumumkan pilehan raya itu, hingga pukul 12-00 tengah hari pada hari menamakan chalon itu- sa-orang chalon, atau sa-siapa juga bagi pehak-nya, hendaklah membayar wang pertorohan seratus ringgit dengan wang yang sah kepada Pegawai Pengurus atau kepada sa-siapa yang di-kuasakan oleh Pegawai Pengurus itu.

Sekira-nya wang pertorohan itu tidak di-bayar, maka chalon itu, di-anggap sebagai telah menarek diri, daripada menjadi chalon.

Tiga naskhah dari kertas menamakan chalon itu, hendaklah di-sampaikan kepada Pegawai Pengurus, di-antara pukul 10-00 pagi dan 12-00 tengah hari pada hari menamakan chalon itu oleh chalon itu atau penchadang-nya atau penyukong-nya bersama2 dengan surat pengakuan. Jika kertas2 menamakan chalon itu, tidak di-sampaikan menurut peratoran2 tersebut, maka ia-nya akan di-tolak.

Salinan kertas menamakan chalon, yang di-terima oleh Pegawai Pengurus akan di-tampalkan di-suatu tempat yang senang di-lihat, diluar tempat menamakan chalon.

PEGAWAI PENGURUS

Pegawai Pengurus, akan membenarkan chalon2 tersebut, penchadang2 dan penyukong2 mereka, dan sa-orang yang lain lagi, jika ada, yang di-lantek oleh tiap2 chalon itu, dengan chara bersurat, untuk hadir pada hari menamakan chalon di-tempat menamakan chalon itu, di-antara pukul 12-00 tengah hari hingga pukul 1-30 petang.

Pegawai Pengurus juga, akan membenarkan mereka, memeriksa kertas2 menamakan chalon

yang telah di-terima bagi kawasan pemilihan itu, pada masa dan di-tempat tersebut.

Orang2 yang mempunyai nama di-dalam daftar2 pengundi, bagi kawasan pemilihan, dan chalon2 bagi kawasan pemilihan itu, boleh membuat bantahan yang bertulis terhadap kertas menamakan chalon itu, dengan syarat mempunyai alasan2 yang seperti berikut, atau salah satu daripadanya, dan bukan-lah alasan yang lain. Alasan2 itu ia-lah: —

- (a) Keterangan mengenai chalon itu tidak chukop, untuk memperkenalkan diri-nya;
- (b) Kertas menamakan chalon itu tidak menurut kehendak atau tiada di-sampaikan menurut kandungan2 peratoran;
- (c) Menurut isi butir kertas menamakan chalon itu, nyata-lah yang chalon tersebut, tidak layak di-pilih menjadi ahli Majlis Mashuarat;
- (d) Tidak menyimpan wang pertorohan.

Kertas menamakan chalon itu akan di-luluskan; melainkan ada bantahan yang di-buat kepada Pegawai Pengurus, di-antara tengah hari hingga pukul 1-30 petang, pada hari menamakan chalon.

Tiap2 bantahan, hendaklah di-buat sechara bersurat, yang di-tanda tangani oleh orang yang membantah, dan hendaklah di-sebutkan, akan sebab2 bantahan itu, Pegawai Pengurus itu sendiri, boleh mengemukakan bantahan, di-atas satu daripada alasan2 yang tersebut tadi.

Pegawai Pengurus itu, akan memutuskan dengan segera, sama ada sah atau tidak, tiap2 bantahan itu. Dia akan memberi tahu keputusan-nya kepada chalon yang berkenaan, atau kepada penchadang atau penyukong-nya.

Keputusan Pegawai Pengurus itu, ada-lah keputusan terakhir dan muktamad. Keputusan itu, tidak boleh di-soal dalam sebarang Mahkamah. Sesiapa yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pegawai Pengurus itu, boleh-lah membuat satu rayuan pilehan raya, dengan alasan2 menurut Undang2 Kesalahan Pilehan Raya tahun 1961.

Selain daripada Pegawai Pengurus, sa-orang ahli Surohanjaya Pilehan Raya, Penyelia Pilehan Raya, chalon2, penchadang2 dan penyukong2 dan sa-orang yang lain lagi, jika ada, yang di-lantek oleh chalon itu dengan bersurat, tidak di-benarkan hadir, pada masa menjalankan kerja2 ini, kecuali dengan kehendak Pegawai Pengurus.

PEMILEHAN

Jika pada hari menamakan chalon itu, hanya sa-orang sahaja chalon yang di-namakan bagi kawasan pemilihan itu, maka Pegawai Pengurus akan mengishtiharkan chalon tersebut, ada-lah terpilih menang dengan tidak bertanding.

Jika pada hari menamakan chalon itu, terdapat lebeh dari sa-orang chalon yang di-namakan bagi kawasan pemilihan itu, maka pembuangan undi akan di-adakan mengikut peratoran. Chalon2 yang bertanding mahu-lah pada ketika ini memberi pada Pegawai Pengurus nama dan alamat Wakil Pilehan Raya-nya jika chalon2 ini melantek Wakil-nya. Jika lantekan wakil ini tidak diberi pada Pegawai Pengurus maka chalon itu sendiri di-anggap sa-bagai wakil-nya.

Chalon2 ini akan mempunyai chogan yang di-benarkan dan di-persetujui oleh Surohanjaya Pilehan Raya, yang mana menurut peratoran2 yang tertentu.

JAWATAN KOSONG

PEON

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan Peon di-dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei. Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah VII Sekolah Melayu. Gaji: —

Dalam sukatan gaji F. 1 - 2 - 3 - 4 - 5 - 6 143x3 - 158 - 160 - 180x4 - 200.

Permohonan2 mesti-lah di-isi di-atas borang2 yang boleh diperolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah dikembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 September, 1965.



Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun (tengah) telah melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei, baru2 ini dalam bidang lawatan beliau ka-Jabatan2 Kerajaan. Gambar ini di-

ambil sa-lepas lawatan Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei. Di-kiri ia-lah Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Brunei, Awang G. V. de Freitas.

Pengumuman Mengenai Pilehan Raya

BANDAR BRUNEI. — Pilehan raya kecil bagi kawasan Pekan Brunei ia-lah pada 25 September, 1965, dan tempat menamakan chalun ia-lah di-Dewan Kemashachalun dari jam 10-00 pagi hingga 1-30 petang.

Tiga keping Surat Chalun (Borang 3) dan satu keping Surat Sumpah (Borang 4) mesti di-serahkan kepada Pegawai Pengurus berserta dengan wang tunai sa-banyak saratus ringgit untuk wang pertarahan, atau receipt menunjukkan wang itu telah di-bayar di-Pejabat Kewangan.

Semua butir2 yang di-kehendaki dalam surat chalun mesti di-penohkan.

Nama2 penchadang, penyokong dan 4 orang lagi, atau lebih, yang bersetuju dengan perchalunan itu mesti berada dalam daftar pengundi berkenaan dengan kawasan yang di-tandingkan.

Surat2 chalun akan di-terima dari jam 10-00 pagi sampai 12-00 tengah hari tetap.

Di-antara jam 12-00 tengah hari dan 1-30 petang Pegawai Pengurus akan menerima bantahan2 berkenaan surat2 chalun.

Apas2 keputusan di-ambil oleh Pegawai Pengurus atau bantahan2 terhadap Surat2 Chalun ada-lah berkehabisan dan muktamad.



Seramai 59 orang penuntut2 Tahun III dan Tahun II (Bahagian Inggeris) dan dua orang Pensharah dari Maktab Perguruan Melayu Brunei telah belayar ka-Singapura melalui Labuan pada pagi 15 September, 1965 dalam bidang lawatan mereka ka-Singapura dan Malaya. Gambar ini di-ambil sa-jurus sa-belum penuntut2 dan Pensharah itu belayar ka-Labuan pada pagi hari tersebut dengan kapal "Bolkiah". Dua minggu terdahulu dari itu, seramai 61 orang penuntut2 Tahun III dan dua orang Pensharah dari Maktab Perguruan Melayu telah belayar ka-Singapura dan Malaya. Tujuan lawatan mereka ka-Singapura dan Malaya itu ia-lah untuk memerhati chara2 pelajaran Sekolah2 dan Maktab2 di-sana.

Sambutan2 Hari Jadi D.Y.M.M. di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Rancangan perayaan sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Perkahwinan Diraja Puteri Baginda dengan Putera Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-Daerah Belait ada-lah seperti berikut:

Perayaan di-Seria telah di-mulai semenjak hari Isnin 20 September, 1965 dan akan tamat pada malam 25 September.

Perayaan di-Kuala Belait pula akan di-mulai pada hari Juma'at 24 September dan akan di-teruskan hingga ka-hari Isnin 27 September.

PERAYAAN DI-SERIA

Rancangan perayaan di-Seria ada-lah seperti berikut:

Hari ini: Mulai jam 7-00 malam — Persembahan Drama Kelab Belia Seria di-Dewan Maktab Anthony Abell. Pertunjukan Silat Kuntau, Tarian Singa, Wayang Gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan lain-nya di-Padang Maktab Anthony Abell. Pada malam ini juga akan di-adakan Perarakan Ubor dan Tanglong serta Perarakan Kereta Berhias di-kawasan Seria.

Esok: Siang — Perlumbaan Berjalan Kaki dari Pekan Kuala Belait ka-Seria, mulai jam 8 pagi. Perarakan Basikal Berhias, Motorsikal/Scooter Berhias, Kereta Berhias dan Perarakan Murid2 Sekolah dan Ahli2 Persatuan2 Senaman Murid2 Gabungan Sekolah2 di-Padang Maktab Anthony Abell. Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail di-Pentas Padang Maktab Anthony Abell. Malam — Pertandingan Berchuchul dan Pintu Gerbang.

Hari Sabtu 25 September: 8-30 malam — Temasha Tari Menari di-Shell Recreation Club, Seria.

PERAYAAN DI-KUALA BELAIT

Hari Juma'at 24 September, 1965: 9 pagi — Barisan Kehormatan di-Padang Besar Kuala Belait. 9 pagi — 12 tengah hari dan dari 2 petang ka-8 malam — Peraduan Gambar dan Lukisan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. 10 pagi — Senaman Murid2 Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Padang Besar, K.B.R.C. 2 petang — 6 petang — Perlumbaan Perahu Khas

di-Sungai Belait. 6 petang — 11 malam — Pasar Gembira dan Pertunjukan Orkid di-Padang Besar K.B.R.C. Pertandingan Berchuchul Rumah2, Bangunan2 dan Kedai. Pertandingan Pintu Gerbang. 7 malam — Perarakan Darat. 7-30 malam — Sandiwara Murid2 Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Pentas Padang Besar K.B.R.C. 8 malam — Pertunjukan Tarian2 Asli, Silat dan Kuntau di-Tempat Permainan Pancharagam, Padang Besar K.B.R.C.

Hari Sabtu 25 September: 8 pagi — 12 tengah hari dan dari 2 petang — 8 malam — Peraduan Gambar dan Lukisan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin. 2-30 petang — Pertunjukan Kesehatan Kanak2 di-Dewan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Kuala Belait. 5 petang — Pertandingan Bola Sepak di-Padang Besar K.B.R.C. 6 petang — 11 malam — Pasar Gembira dan Pertunjukan Orkid di-Padang Besar K.B.R.C. Pertandingan Berchuchul dan Pintu2 Gerbang. 7-30 malam — Aneka Hiboran oleh Gabungan Gerakan Masharakat Pemuda Pemuda dan Persatuan Keng Kau.

Hari Ahad 26 September: 8 pagi — 6 petang — Perlumbaan Perahu di-Sungai Belait. 8 pagi — 12 tengah hari dan 2 petang — 8 malam — Peraduan Gambar dan Lukisan di-S.M.A.T. 6 petang — 11 malam — Pasar Gembira dan Pertunjukan Okid di-Padang Besar K.B.R.C. Pertandingan Berchuchul dan Pintu Gerbang. 7-30 malam — Pertandingan Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam di-Pentas Padang Besar K.B.R.C. dan Tayangan Wayang Gambar Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Padang Besar K.B.R.C.

Hari Isnin 27 September: 6 petang ka-11 malam — Pasar Gembira dan Pertunjukan Okid di-Padang Besar K.B.R.C. Pertandingan Berchuchul dan Pintu Gerbang. 7-30 malam — Aneka Warna oleh Gabungan Sekolah2 St. John, Panaga dan Menengah Chung Hua. Tayangan Wayang Gambar oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Padang Besar Kuala Belait Recreation Club.

28 Orang Lagi Rekrut A.M.D.B. Tamat Berlateh

BERAKAS. — Satu upacara tamat latehan 28 orang rekrut2 Askar Melayu Diraja Brunei dari di-adakan di-kawasan perbarisan Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu 18 September.

Brigadier H. Tuzo Pegawai Pemerintah Brigade yang ke-51, Brunei telah memeriksa perbarisan itu yang telah di-adakan di-bawah pimpinan Lieutenant Mohamed Husain bin Haji Mohamed dan di-bantu oleh Staff Sargan Tamam bin Jambol.

Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Lieutenant Colonel D. M. Fletcher, M.C., telah mengiringi Brigadier Tuzo pada masa beliau memeriksa perbarisan itu.

Brigadier Tuzo berkata dalam ucapan-nya di-upacara tersebut bahawa dengan tamat-nya latehan rekrut2 itu, mereka telah mencapai kejayaan dan mula menaiki sa-tingkat menuju ka-arrah penghidupan askar yang terlateh dan juga menempoh rentangan yang banyak.

Tugas mereka apabila mereka balek dari berchuti, tegas beliau, ia-lah mempelajari lebih banyak lagi berkenaan memahami senjata dan juga meluaskan lagi ilmu bidang ketenteraman.

Walau pun Askar Melayu Diraja Brunei ini maseh muda lagi, tetapi telah mendapat kepujian yang chemerlang, dan kepujian yang gilang gemilang itu akan kekal pada sa-tiap masa, katanya.

Beliau telah berseru kepada rekrut2 itu supaya mereka men-

jauhkan diri mereka dari bidang politik dan jangan-lah bersubahat dengan badan2 yang kurang elok.

Brigadier Tuzo juga telah menyampaikan piala2 perak kepada rekrut yang terbaik sekali ia-itu Awangku Hasnan bin Pengiran Ahmad dari Kampong Pusar Ulak, Bandar Brunei, manakala penembak yang terbaik sekali ia-lah Awang Sain bin Tawang dari Kampong Sungai Liang, Daerah Belait.

Nama rekrut2 yang telah tamat berlateh itu ia-lah: —

Simpoh bin Ambing, Mureh bin Tahir, A. Besar bin Lahir, Umar bin Ahmad, Umar bin Amat, Arshad bin Md. Taha, Zakaria bin Moxsin, Hussein bin Mantal.

Nain bin Ibrahim, Piut bin Abd. Ghani, Md. Yassin bin Ismail, Ma'aruf bin Matusin, Ak. Bakar bin Pg. Yussof, Ak. Hasnan bin Pg. Ahmad.

Abu Bakar bin Edin, Ahis bin Ribot, Sain bin Tawang, Junch bin Ginam, Moxsin bin Mohamad, Ag. Asar bin Talib, Kalong bin Ismail.

Ag. Bujang bin Ibrahim, Nibah bin Tumit, Sunai bin Aban, Abd. Hamid bin Abdullaah, Abd. Karim bin Daud, Damit bin Puasa, Mohammad Salleh bin Hj. Damit.

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu


Gambar-Gambar Kenangan



Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kelinatan merinjis ayer mawar kapada menantu baginda di-Istiadat berbedak.



Pengantin Diraia semasa bers...



Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman semasa turun dari Rumah Besar Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara untok berangkat ka-Istana bagi "Istiadat bersanding".



Satu pemandangan sa-jurus sa-belum istiadat bersanding di-mulakan.

an Perkahwinan Di-Raja



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kelihatan membuboh bedak kepada Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman di-Istiadat berbedak.



Istiadat Perkahwinan Diraja antara Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman telah di-langsungkan dengan selamat-nya baru2 ini.

Berbagai2 achara perayaan yang meriah telah di-adakan di-Istana Darul Hana, di-Rumah Besar Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan juga di-Padang Besar Bandar Brunei sa-bagai menyambut Perkahwinan Diraja itu.

Gambar2 yang di-siarkan di-muka 4 dan 5 Pelita Brunei keluaran ini ia-lah di-antara gambar2 yang di-ambil oleh Juru2 gambar Jabatan Penyiaran dan Pene-rangan, Brunei semasa di-adakan istiadat2 tersebut.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota 'membedaki' Y.A.M. Pengiran Muda Abdul Rahman di-istiadat berbedak.

Dari Laut Ka-Darat

Menempoh Chara Hidup Baru



Awang Ja'afar

Chita2 dari sa-bahagian penduduk2 kampung Ayer untuk mengechap nikmat hidup di-darat telah tercipta apabila 12 keluarga di-sekitar kampung itu telah pindah ka-rumah2 baru mereka yang di-sediakan Kerajaan di-kawasan perpindahan, berhampiran dengan Lapangan terbang Berakas dalam minggu lalu.

Di-bawah ranchangan itu, tiap2 keluarga telah di-sediakan sa-buah rumah di-atas tanah yang luas-nya sa-tengah ekar. Empat ekar tanah yang telah di-tanam dengan getah ada-lah juga di-berikan kepada tiap2 keluarga itu.

Rumah2 yang berbentuk modern itu ada-lah berharga antara \$10,000 hingga \$18,000 dan keluarga2 tersebut di-kehendaki membayar sa-chara beransor2 mengikut bayaran yang telah di-tetapkan.

Mereka juga telah di-beri kebebasan dalam memilih jenis2 rumah yang mereka kehendaki mengikut kemampuan masing2.

Sa-hingga hari ini, lebih dari 30 keluarga di-Kampung Ayer telah pindah ka-rumah2 baru mereka di-awasan perpindahan itu dan rumah2 yang di-diami mereka kebanyakannya berharga \$10,000 dan sabahagian-nya antara \$14,000 dan \$18,000.

Tujuan utama Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi mengadakan ranchangan yang mekakan belanja lebih dari \$3 juta

ringgit itu, ia-lah bagi meninggikan taraf hidup penduduk2 Kampung Ayer sesuai dengan peradaran masa di-zaman serba modern ini.


Pada hari yang berbahagia bagi keluarga2 itu, ternyata-lah betapa gembira-nya mereka dan wajah masing2 membayangkan keshukoran kerana memperoleh kemudahan2 yang begitu rupa.

Kanak2 kelihatan bermain2 di-kawasan rumah masing2 yang agak luas dengan tidak mendapat gangguan dan terselamat dari bahaya.

Jika kawasan perpindahan itu sem-porna di-laksanakan, maka ia akan merupakan satu kawasan perumahan yang menambahkan kechantekan Negeri Brunei sa-lain dari bangunan2 agong seperti Masjid Omar Ali Saifuddin.

Di-kawasan itu nanti akan di-dirikan sa-buah Masjid, sekolah, Balai Raya, Padang Permainan, pasar dan beberapa buah kedai.

Dalam masa keluarga2 itu berpindah waktu suboh yang di-selimuti dengan embun yang tebal, kita telah sempat juga mengunjongi keluarga2



Rumah ini berharga \$10,500 sa-buah yang paling banyak di-tempah oleh keluarga2 itu.



Di-atas ia-lah keluarga Awang Latif yang di-gambar dalam rumah baru mereka.

tersebut yang ketika itu sebak dengan urusan masing2.

Beberapa buah lori dan bas telah di-sediakan oleh Kerajaan untuk me-

nyenangkan mereka serta sanak saudara bagi menyempurnakan upacara itu.

Sa-bagai kebiasaan yang terjadi bagi orang2 Melayu ketika hendak berpindah ka-rumah baru, kenduri dan do'a selamat serta menabor beras kunyit telah juga di-adakan oleh keluarga2 itu sa-bagai ucap keshukoran.

Ketika kita temui, Awang Ja'afar bin Yusof dari Kampung Bendahara Lama berkata "Shukor atas peluang yang ke-emasan ini, satu masa nanti peluang seperti ini sukar di-dapati".

Awang Ja'afar yang berumur 45 tahun dan bekerja sa-bagai buroh kasar di-Jabatan Bandaran, Brunei menyatakan bahawa tinggal di-Kampung Ayer bagi-nya sukar hendak mengubah penghidupan sa-bagai sa-orang buroh, tetapi dengan berpindah ka-darat ia-nya akan dapat menambah pencharian-nya dengan berchuchok tanam bak kata orang "biji lada di-buangpun tumbuh".

Mengenai kemampuan beliau ketika hendak membayar balek harga rumah beliau yang berjumlah \$10,500 itu, Awang Ja'afar yang mempunyai 8 orang anak dan sa-orang isteri menyatakan bahawa beliau akan berusaha sa-daya upaya bagi mengadakan bayaran yang di-tentukan pada tiap2 bulan nanti.

Awang Latif bin Osman berumur 40 tahun dari Kampung Saba Laut ketika di-tanya mengenai ranchangan-

nya pada masa hadapan sa-sudah memperoleh peluang itu menyatakan, pada masa hadapan di-samping meng-usahkan perusahaan tanaman kechil, beliau juga telah membuat ranchangan untuk berternak ayam.

Awang Latif yang mempunyai 7 orang anak dan sa-orang isteri telah menyatakan keshukoran-nya kerana dengan peluang perpindahan itu, maka satu ketika nanti beliau penoh perchaya bahawa kehidupan masa hadapan-nya sa-keluarga ada-lah cherah.

Satu keluarga lagi yang sempat kita temui pada hari itu ia-lah Awang Kadir bin Lakim, dari Kampung Kerma Indera Lama yang mempunyai 3 orang anak dan sa-orang isteri dan tidak mempunyai kerja yang tertentu sa-lain dari bekerja sendiri.

SAPERTI MIMPI

Awang Kadir yang berumur 59 tahun menyatakan, "peluang ini datang pada saya tak ubah seperti terjaga dari mimpi. Saya tidak terbayang yang pada masa akan datang saya mempunyai rumah yang chantek dan beberapa ekar tanah seperti yang saya mifeiki dari ranchangan perpindahan ini".

"Saya tidak tahu macham mana mahu menyatakan betapa gembiranya hati saya ketika di-beri tahu yang saya telah terundi untuk menyertai ranchangan perpindahan ini dan lebih2 lagi sa-sudah saya menaiki tangga rumah baru saya ini".

Awang Kadir berkata lagi "Dengan ada-nya peluang ini akan dapat-lah memperbaiki penghidupan saya sa-keluarga pada masa hadapan dan sa-bagai sa-orang yang tidak mempunyai pekerjaan yang tertentu, dengan melalui tanaman getah yang tersedia di-berikan oleh Kerajaan itu dapat-lah saya menyara hidup anak isteri saya dengan lebih sempurna".

Di-tanya mengenai kesanggupan beliau untuk membayar balek harga rumah yang beliau diami sekarang ini, Awang Kadir berkata: saya rasa boleh membayar pada tiap2 bulan seperti yang di-tentukan oleh pihak yang berkenaan itu.



Gambar atas menunjukkan ketika keluarga2 itu berpindah ka-rumah baru mereka.

11 TAHUN PERTUBOHAN SEATO

Tidak lama dulu ruangan kami telah membuat tiga renchana khas mengenai tiga buah pertubohan penting di-dunia, iaitu Pertubohan CENTO bagi Timor Tengah, Pertubohan NATO bagi Atlantik Utara dan Pertubohan Bangsa2 Bersatu badan sa-dunia antara bangsa, dan menjelaskan juga tentang tujuan2-nya.

ULANG TAHUN

Hari ini pula, sabagai sempena memperingati ulang tahun yang ke-11 wujudnya Pertubohan Perjalan Asia Tenggara, rengkasnya SEATO sa-buah pakatan pertahanan bersama lapan buah negara, maka molek-lah di-tinjau serba sedikit tentang pertubohan itu dan tujuan pembentokan-nya.

Sa-jauh ini Pertubohan SEATO di-ketahui telah meletakkan perhatian-nya yang berat ka-atas kedudukan di-Asia Tenggara, maksod-nya untuk menentukan dan menjamin keamanan terus terpelihara di-kawasan itu sesuai dengan konsep pakatan itu untuk melindungi negara2 anggota dari pencherubohan luar. Gangguan dari luar sechara lengkap di-maksodkan ia-lah pencherubohan Gulongan Kominis yang berhasrat hendak menjadikan Asia Tenggara sa-buah benua naongan-nya.

SEATO

Pertubohan SEATO atau dikenal juga sa-bagai Pakatan Manila di-tubuhkan pada 8 hari-bulan September tahun 1954, di-tanda tangani oleh lapan buah negara di-Manila. Lapan buah negara itu ia-lah Australia, Pranchis, New Zealand, Pakistan, Philipina, Thailand, Britain dan Amerika Sharikat.

Menurut maksod Pakatan Manila, maka Asia Tenggara yang di-jadikan nama menurut konsep politik alam, mula2 di-gunakan dalam perang dunia ke-dua itu, luas kawasannya di-kira dari kawasan sempadan sebelah Barat Pakistan membawa ka-daerah2 yang luas di-Tenggara Pacific, tidak melibatkan di-sebelah Utara yang menyebabkan tidak termasuk Pulau Formosa.

China Kebangsaan ada-lah terkeluar dari pakatan itu kerana desakkan beberapa buah negara anggota yang bimbangkan timbulnya kerumitan dengan China Kominis, sementara India, Burma, Indonesia dan Ceylon membuat keputusan tidak menyertai dalam pakatan tersebut.

TUJUAN

Tujuan negara2 SEATO menubuhkan pakatan pertahanan bersama itu ia-lah untuk membena sa-buah barisan, yang akan


dapat menchehag pencherubohan Kominis, terutama sekali di-Asia Tenggara yang di-maksodkan tadi.

Dalam perjanjian ini, mereka akan bertindak bersama jika sa-buah negara anggota di-serang. SEATO juga akan membuat per-

oleh Hanafi Joffri

setujuan untuk melindungi-nya jika negara anggota itu di-fikirkan dalam ancaman luar. Tindakan ini bukan hanya meliputi ancaman dari luar, tetapi juga meliputi ancaman dari dalam negeri sa-sabua negara anggota.

Sa-jauh ini yang dapat di-lihat



tok, termasuk perkara peruntokkan. Sidang bagi tahun ini telah berlangsung di-London.

Di-bawah kuat kuasa arahan Dewan Majlis, Pertubohan SEATO melanjutkan objective-nya melalui badan2 awam dan tentera.

Kegiatan2 dalam bidang ketenteraan, SEATO mempunyai sa-buah badan penasihat tentera yang bersi-

sumbangan terbesar yang di-berikan oleh SEATO ialah di-negeri Thai, memandng kepada anchaman Kominis dari Utara negeri itu, saperti di-Vietnam.

SEATO telah di-bentok sebagai menjawab kepada satu desakkan kerana pertahanan di-Asia Tenggara, seperti NATO di-Atlantik Utara yang di-tubuhkan lima tahun lebeh awal.

Oleh di-sebabkan semua negara anggota SEATO, kechuali Pranchis menyertai dalam Rancangan Colombo yang di-bentok dalam tahun 1950 dengan tujuan untuk meninggikan lagi taraf ekonomik dan sosial negara2 anggota, maka dalam keputusan mashuarat pertama, SEATO berazam meletakkan perhatian-nya yang lebeh dalam mengenai pertahanan, dalam mana kegiatan2 dalam lain bidang berkembang sechara beransor2.

Kalau di-bandingkan, maka kebolehan perjuangan SEATO adalan terhad dari NATO, yang mempunyai tujuan2 yang sama, memandng kepada beberapa kebolehan yang dapat di-laksanakannya oleh NATO dibidang yang lebeh luas.

Pertubohan SEATO di-tadbirkan oleh sa-buah majlis yang mengandungi menteri- luar atau para timbalannya, dan sidang majlis itu di-adakan

pada tiap2 tahun di-Ibu Negara sa-buah kuasa anggota.

Dalam bulan April tahun 1959 mithal-nya, sidang ke-lima telah berlangsung di-Wellington New Zealand kerana membincang dan mengkaji kerja2 pertubohan bagi tahun itu, selain dari membuat tindakan mengenai laporan yang di-terima dari badan2 chawangan-nya yang di-ben-

tidak terlibat dalam tanggung jawab yang paling berat dalam ketenteraan, namun lathan bersama tentera dan angkatan laut, sering di-adakan pada tiap2 tahun.

Dalam segi awam, apabila sidang tidak di-jalankan, maka ia-nya adalah di-arahkan oleh sa-buah jawatankuasa perwakilan dalam majlis. Perwakilan ini ada-lah pegawai2 tetap negara2 anggota yang juga beribu pejabat di-Bangkok. Dalam sidang jawatan kuasa ini akan di-kemukakan shor2 yang ada kaitan-nya dalam lapangan masing2. Ini ada-lah meliputi sidang Jawatankuasa Pakar2 Ekonomik, Penerangan, Kebudayaan, Pelajaran, Kegiatan2 Buroh dan keselamatan.

SETIAUSAHA AGONG BAHARU

Menurut renchana, dari satu kasatu masa beberapa jawatan-kuasa khas di-bentok bagi menghadapi masa-alah2 khas. Dalam memberikan bantuan dan pertolongan kepada badan2 awam ini, maka di-adakan sa-orang Setiausaha Agong dan sa-buah staff antara bangsa. Baharu2 ini anggota dari Philipina Lieutenant General Jesus M. Vargas telah dilantik menjadi Setiausaha Agong, kerana menggantikan Konthi Suphamongkol dari Thailand.

SEATO telah mendapat pujian kerana tugas-nya mengachip pencherubohan Kominis di-kawasan Asia dalam masa lima tahun satelah penubohan-nya.

SEATO tanpa mempunyai pasokan yang berasingan, dari itu bergantung kepada pasokan negara anggota-nya segala kechergasan-nya ada-lah juga di-dasarkan kepada lain2 bidang. Kerana SEATO telah menunjokkan kezaman Amerika dan lain2 negara anggota sa-belah Barat dalam pertubohan itu menentang pencherubohan lanjut Kominis di-kawasan Asia Tenggara. Gerakan2 subversive Kominis ada-lah menjadi perkara utama yang di-renong dan di-binchangkan oleh SEATO.

Pertubohan SEATO membuat peruntokkan kurang dari 1 juta ringgit pada tiap2 tahun, dan dengan ini juga ia-nya telah memberikan keutuhan kepada kawasan Asia Tenggara, dalam mana kebanyakan dari negara2-nya telah menchapai taraf kemerdekaan sejak 1945.

Begitu-lah serba sedikit tentang Pertubohan SEATO dan tujuan2 pembentokan-nya sebelas tahun dulu di-Manila oleh lapan buah negara.

Gambar menunjokkan contoh bangunan reactor dan makmal science nuklear Pakistan yang dibena oleh kumpulan sharikat pembenaan British di-Islamabad. Pakistan ada-lah anggota Pertubohan SEATO yang sekarang bersengketa dengan India mengenai Kashmir.

dang dua kali sa-tahun. Ini beribu pejabat di-Bangkok, dalam mana mereka merangka ranchangan2 pertahanan bagi pertubohan itu. Bagaimana pun SEATO tidak mempunyai pasokan tentera bersama saperti NATO, tetapi jika berlaku sa-suatu kemungkinan SEATO dapat bergantong kepada negara2 anggota.

Walau pun SEATO sekarang ini

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 22 September hingga ka-hari Selasa 28 September, 1965 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	22	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
	23	12-19	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
	24	12-19	3-36	6-22	7-34	4-37	4-52	6-09
	25	12-19	3-36	6-22	7-34	4-37	4-52	6-09
	26	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
	27	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
	28	12-18	3-35	6-20	7-32	4-36	4-51	6-08

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

PERADUAN BERCHUCHUL

BANDAR BRUNEI — Kawasan Berchuchul lampu elektrik rumah2 Bahagian Darat yang akan di-hakimkan semasa perayaan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti berikut:

Dari Bandar Brunei hingga (a) ka-Batu 10 Jalan Tutong. (b) ka-Batu 7 Jalan Pasir Berakas. (c) ka-Batu 9 Jalan Muara dan (d) ka-Batu 2, Jalan Gadong serta dari Jalan Residency hingga ka-Makam Sultan Bolkihah.

Hadiah2 juga akan di-berikan kepada Gudang2 Perniagaan yang di-hiasi dengan lampu2 elektrik di-Bandar Brunei semasa perayaan tersebut.



PERAYAAN2 SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Berbagai2 acara yang meriah telah diadakan di-Bandar Brunei sebagai menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan semenjak 17 September dan akan tamat pada 2 Oktober.

Di-antara acara2 itu ia-lah Pembukaan Rasmi Pameran Lukisan dan Gambar2 oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Persembahan Aneka Warna dan lain2-nya.

Acharya2 yang akan di-adakan di-Bandar Brunei mulai pada hari ini hingga ka-hari Selasa 28 September ada-lah seperti berikut:

Hari ini: Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasyarakatan, Chuchul Pintu2 Gerbang, Rumah2 dan Gudang2 Perniagaan. Pasar Gembira, Malam Aneka Warna dan lain2-nya.

23 September: 7-25 pagi - Istiadat Barisan Kehormatan di-Padang Besar Bandar Brunei. 10 pagi - Istiadat Mengadap di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana. 4-30 petang - Pameran Lukisan dan Gambar2 di-Dewan Kemasyarakatan. 4-45 petang - Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar Bandar Brunei antara Pasokan2 Askar British di-Labuan. 7-30 malam - Majlis Santap Bersarapan di-Taman Istana Darul Hana. 8 malam - Malam Aneka Warna, Pertunjukan Kesenian dan Kebudayaan Antara Bangsa di-Padang Besar Bandar Brunei dan lain2-nya. 8 malam - Pertunjukan Bunga Api di-Taman Istana Darul Hana.

24 September: 3-30 petang - Perlawanan Bola Keranjang di-Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah Menengah China Chung Hwa, Brunei. Pameran Lukisan Gambar2. 2 petang - Peraduan Kerita Berhias dan Basikal Berhias keliling Bandar Brunei. 8 malam - Peraduan Kerita Berhias Basikal Berhias dan Tanglong Berjalan Kaki keliling Bandar Brunei. Malam Aneka Warna dan lain2-nya.

25 September: 4-30 petang - Perlawanan Bola Keranjang. 8 malam -

Pertunjukan Bunga Api di-Taman Istana Darul Hana. 8 malam - Peraduan Kenaikan Laut di-Sungai Brunei dan Perunan Api di-Bukit2 keliling Brunei. 8 malam - Malam Aneka Warna.

26 September: 8 pagi - Perlumbaan Perahu dan Motor Sangkut di-Sungai Brunei. 9 pagi - Perlumbaan Basikal di-Jalan Ong sum Ping, Bandar Brunei. 10-30 pagi - Perlumbaan Go-Kart di-Perkemahan Askar Melayu Diraja, Berakas Kem, Brunei. 1-30 petang - Perlawanan Bola Keranjang. 4-45 petang - Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar Bandar Brunei antara Pasokan Pilehan Brunei dengan Pasokan Labuan. 8 malam - Pertunjukan Bunga Api di-Bandar Brunei. 8 malam - Aneka Warna dan lain2-nya.

27 September: 8 malam - Malam Aneka Warna. Pertunjukan Kesenian dan Kebudayaan Antara Bangsa di-Padang Besar Bandar Brunei dan lain2-nya.

28 September: 8 malam - Malam Aneka Warna. Persembahan Tarian2 oleh Maktab2 Sekolah2 dan Persatuan2 di-Padang Besar Bandar Brunei dan lain2-nya.



Beribu2 orang telah membanjiri Bandar Brunei pada petang hari Ahad 19 September, 1965 untuk menyaksikan Perarakan Pengantin Diraja. Di-kiri kanan jalan2 raya dari Istana Darul Hana menuju ka-Jalan Tutong, Jalan Sultan dan lain2 jalan raya di-hadapan Masjid Omar Ali Saifuddin dan Jalan Stoney telah penoh sesak dengan ma'anusia dari berbagai2 bangsa. Begitu juga ramai bilangan murid2 sekolah telah berdiri di-kiri kanan jalan2 raya itu sambil mengibarkan Bendera Brunei pada masa Pengantin Diraja, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman melalui di-hadapan mereka. Dalam gambar ini kelihatan Perarakan Pengantin Diraja itu pada masa melalui sa-buah jalan raya di-ibu kota Negeri Brunei Darussalam pada petang hari tersebut.

Istiadat Bersanding Pengantin Diraja

(Dari muka 1)

perarakan di-raja dan di-ikuti oleh pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei dan lebih dari 100 buah kereta2 yang di-naiki oleh pembesar2 negara, tetamu2 khas dan para jempunan.

Sementara itu, pada hari ini, istiadat khatamal Quran bagi Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna akan di-langsungkan di-Bilik Laila Mudzakarah Luting Istana.

Selesai saja istiadat khatamal Quran itu, istiadat muleh tiga hari bagi pengantin di-raja lelaki, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman akan di-langsungkan dan istiadat menyambut pengantin lelaki akan juga di-teruskan pada sa-belah malam-nya di-Istana Darul Hana.

Menghadhiri Kongres Menchegah Jenayah Di-Stockholm

BANDAR BRUNEI. — Kongres Menchegah Jenayah dan Memelihara Orang2 Salah yang di-anjorkan oleh Pertubuhan Bangsa2 Bersatu kali yang ke-3 telah di-langsungkan dari 9 hingga 18 Ogos yang lalu di-Stock-

holm, Sweden.

Dalam kongres itu, Negeri Brunei telah juga menyertai-nya yang di-wakili oleh Penguasa Penjara Brunei, Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim.

Menurut beliau, ini-lah pertama kali-nya Brunei menghadhiri Kongres itu yang di-sifatkan beliau sebagai berkesan bagi menchegah jenayah dan memelihara orang2 salah di-negeri ini.

Dalam gambar ini Pengiran Hidup kelihatan sedang mengikuti cheramah dalam kongres tersebut.

Sementara itu, pada petang hari ini dua orang pegawai dari Penjara Brunei akan pulang ka-tanah ayer sa-lepas menamatkan letehan di-Pusat Latehan Penjara Taiping, Perak, Malaysia sa-lama tiga bulan.

Mereka itu ia-lah Cpl. Warder Timbang bin Yusuf dan Warder Md. Hassan bin Damit.

Penguasa Penjara Brunei, Pengiran Hidup kelihatan dalam gambar kiri (di-tengah2 barisan dua) sedang mengikuti cheramah yang di-berikan dalam Kongres Menchegah Jenayah anjoran Bangsa2 Bersatu di-Stockholm.